

06 OCT 1996

Razaleigh - Semangat

UMNO SATU-SATUNYA PARTI MAJORITI MELAYU, KATA KU LI

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Presiden Parti Semangat Melayu 46 Tengku Razaleigh Hamzah meminta anggota parti itu menerima hakikat bahawa Umno kini disertai oleh majoriti orang Melayu dan diterima oleh rakyat.

Oleh itu, mereka perlu menyertai Umno untuk bersama-sama orang Melayu lain demi kepentingan agama, bangsa dan negara, katanya dalam ucapan bertemakan "Ke Arah Penyatuan Melayu Yang Hakiki", sambil menghuraikan tujuan membubarkan S46 pada perhimpunan khas parti itu di Hotel KL Hilton di sini hari ini.

Tengku Razaleigh berkata parti itu yang ditubuhkan pada tahun 1988 bertujuan menghidupkan Umno setelah pendaftaran Umno dibatalkan.

"Namun selepas dua pilihan raya umum, isu menghidupkan Umno asal tidak lagi menjadi isu utama politik tanah air. Banyak agenda politik lain yang terus menyelubungi kita," katanya kepada 500 anggota perwakilan dari seluruh negara.

Ini merupakan perhimpunan kali terakhir bagi parti serpihan Umno itu. Pembubarannya akan membolehkan anggotanya menyertai Umno.

Umno yang didaftarkan semula pada 1988, terus kukuh di bawah kepimpinan Perdana Menteri dan presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil meminta anggota-anggota S46 melupakan sengketa dengan Umno, Tengku Razaleigh berkata penyatuan dengan Umno itu merupakan pencetus gelombang kebangkitan nasionalisme Melayu menjelang abad ke 21.

"Atas keterbukaan pemimpin tertinggi Umno sekarang inilah maka kita sedia menimbangkan usaha untuk bersatu kembali dengan saudara kita," katanya.

Sambil menarik perhatian kepada usaha perdamaian yang dilakukan di Bosnia dan Mindanao, beliau berkata : "Takkan kita Melayu di Malaysia tak mahu berdamai."

Perwakilan berpakaian baju Melayu dan anggota wanita pula berbaju kurung.

Katanya usaha untuk bersatu itu juga disebabkan "lambaian semangat ulang tahun ke 50 penyatuan orang Melayu tahun 1946 sukar ditolak".

Menurutnya jika masyarakat Melayu ketika itu yang mewakili pelbagai golongan boleh bersatu dalam Umno, langkah mereka boleh dicontohi. --

BERNAMA

AZZ MAI